

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 OCTOBER 2016

# 2017 tahun ekonomi digital Malaysia

BH - 14/10/2016

→ PM mahu rakyat, komuniti niaga sesuaikan keadaan untuk berubah

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

► Putrajaya

**D**atuk Seri Najib Razak menggariskan lima pemangkin strategik bagi menjadikan 2017 sebagai tahun Ekonomi Internet bagi Malaysia.

Perdana Menteri berkata, pemangkin strategik itu akan memacu ekonomi negara ke arah revolusi digital, termasuk 'mikrokosme' (kluster) fizikal, pembiayaan

modal berisiko, hubungan, bakat dan rangka kerja kawal selia.

"Revolusi digital berada di depan kita se pantas kilat. Justeru, kita mesti menghadapinya dan menyesuaikan keadaan untuk berubah," katanya ketika menyampaikan ucapan penutup selepas mengengerusikan Mesyuarat Majlis Pelaksana Koridor Raya Multimedia (MSC) (ICM) Malaysia Ke-28 di Perdana Putra, di sini semalam.

Pada majlis sama, Najib turut melancarkan Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan, bertujuan meningkatkan pertumbuhan e-dagang dalam negara daripada 10.8 peratus sekarang kepada 20.8 peratus menjelang 2020.

## Mikrokosme fizikal

Perdana Menteri berkata, satu daripada pemangkin yang menonjol adalah mewujudkan 'mikrokosme' fizikal, iaitu kluster atau komuniti hab digital yang menjadi tempat Ekonomi Digital baharu dimula dan ditingkatkan selain perusaha-

an kecil dan sederhana (PKS) berhubung, berkumpul serta berkongsi dan mencipta idea.

Katanya, usaha yang digerakkan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDeC) itu bertujuan memenuhi keperluan pertumbuhan syarikat digital baharu oleh generasi 'cool' seperti kafe 'hipster' dan ruang pejabat bukan konvensional seperti gudang.

## Promosi Hab Digital Malaysia

"ICM hari ini (semalam) mengesahkan cadangan bagi mewujudkan dan mempromosi Hab Digital Malaysia. Bagi menggalakkan penubuhan hab ini, kita akan memastikan proses kelulusan yang lebih ringkas lagi cepat oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

"Apa yang lebih penting, kategori baharu di bawah Pekerja Asing Berpengetahuan MSC yang dinamakan 'Tech Foreign Knowledge Entrepreneur' (FKE) akan diperkenalkan, yang melengkapkan pe-

Fakta  
nombor

20,000 PEKERJA

profesional data diperlukan  
Malaysia menjelang 2020

RM304 BILION

nilai pelaburan MSC  
Malaysia sehingga kini,  
menyediakan 160,000  
peluang pekerjaan

nubuhan hab berkenaan serta memudahkan kemasukan usahawan global ke Malaysia," katanya.

Najib berkata, pemangkin lain bagi pembangunan ekonomi digital adalah sumber bakat dan ICM menyokong peruntukan dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) bagi Pembangunan Bakat Analitik Big Data (BDA) dan Memperkasa Kepemimpinan Wanita melalui Sains Data serta teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Bagi pembangunan generasi masa depan, katanya, seramai 10,000 orang menyertai gerakan #mydigitalmaker bagi membangunkan bakat muda dan ICM bersetuju menyediakan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi kursus berkaitan teknologi digital di peringkat pengajian tinggi.

Selain itu, Perdana Menteri yakin negara mampu mencapai sasaran 18.2 peratus Ekonomi Digital Malaysia yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) menjelang 2020.